

Mengawasi Gejala Orientalisme dalam Pengajian Melayu

Mohamed Imran Mohamed Taib
imran.taib@yahoo.com

Baru-baru ini, isu ‘krisis’ dalam Pengajian Melayu mendapat sorotan. Menurut Dr. Syed Khairudin Aljunied di dalam artikelnya, *Azam Membangunkan Pengajian Melayu* (BH, 3 Okt.), salah satu ‘krisis’ tersebut ialah adanya unsur kultus akademik (*academic cult*) di dalam Pengajian Melayu. Apa yang dimaksudkan dengan ‘kultus akademik’ ini tidak dijelaskan sehingga menimbulkan kekeliruan dan tanda tanya. Ini boleh membawa kesan yang sangat serius, iaitu menghakis keyakinan masyarakat terhadap Pengajian Melayu sebagai disiplin yang penting dan relevan dalam melahirkan inteligentsia berfungsi, termasuk para pemimpin masyarakat.

Di dalam mengungkapkan apa jua isu, sepatutnya diterangkan dulu apa persoalannya. Kemudian, persoalannya didefinisikan dengan jelas, iaitu menjelaskan mengapa ianya diangkat sebagai persoalan penting dan apakah kaitannya dengan masalah yang dihadapi oleh masyarakat. Sekiranya ‘kultus akademik’ dianggap persoalan penting di dalam Pengajian Melayu, maka perlulah dibuktikan secara ilmiah. Tanpa bukti kukuh, ianya menjadi sekadar lontaran konsep yang kosong makna.

Sebagai peneliti yang bergiat di dalam bidang pemikiran Melayu dan mendapat pendidikan di dalam bidang Pengajian Melayu, saya tidak melihat kecenderungan ‘kultus akademik’ seperti mana yang diimajinasikan sesetengah pihak. Sebaliknya, perspektif yang diterapkan, terutamanya di Jabatan Pengajian Melayu NUS (JPMNUS), bersifat kritis dan membumi (*grounded*). Pendekatan-pendekatan sains sosial klasik yang ampuh menjadi asas pemikiran diagnostik terhadap isu-isu penting dalam masyarakat Melayu. Malah, JPMNUS masih boleh dibanggakan sebagai salah satu jabatan akademik yang masih memegang kuat tradisi ilmiah yang kritis menolak gejala ‘minda tertawan’. Tradisi kritis inilah yang dirintis

oleh almarhum Prof. Syed Hussein Alatas. Tambahan, JPMNUS masih awas dalam menolak perspektif yang dikenali sebagai ‘Orientalisme’. Corak pemikiran Orientalisme inilah yang sebenarnya menjadi ancaman utama terhadap bidang Pengajian Melayu yang dirintis oleh Prof. Alatas di NUS.

Gejala Orientalisme

Konsep ‘Orientalisme’ di sini harus dijelaskan. Menurut Prof. Edward Said, Orientalisme bermaksud satu corak pemikiran yang melihat Timur (*oriental*) sebagai mempunyai ciri-ciri tetap, monolitik, jumud, eksotik dan rendah darjat (*inferior*) jika dibandingkan dengan masyarakat Barat (*occidental*) yang tanpa ragu lebih *superior*. Sebagai contoh, tulisan-tulisan golongan Orientalis seperti Frank Swettenham dan John Crawfurd di zaman penjajahan memaparkan konstruksi ‘kemelayuan’ yang sangat essensialis. Contohnya, Melayu itu dikatakan kelompok manusia yang malas berusaha, gemar pada hiburan, sering melatah dan suka mengamuk. Prejudis-prejudis sebegini terhasil dan berleluasa di dalam corak pandang terhadap masyarakat Melayu, sama ada di dalam ataupun di luar bidang akademik. Corak pandang Orientalis sebeginilah yang disanggah oleh Prof. Alatas di dalam bukunya *Mitos Pribumi Malas* dan masih kekal diajar sehingga sekarang di JPMNUS.

Kebelakangan ini, timbul pula gejala ‘neo-orientalisme’, seperti yang disebut oleh Dr. Azhar Ibrahim Alwee di dalam artikelnya, *Pengajian Melayu Masih Terus Relevan* (BH, 10 Okt.). Gejala ini lebih berbahaya kerana sukar dikesan dan wacananya diangkat sebagai “pendekatan terkini” dan “lebih canggih”.

Secara umum, ‘neo-orientalisme’ masih mengitar semula pandangan-pandangan prejudis terhadap orang Melayu. Malah, sekiranya dahulu sifat ‘malas’ dianggap sebagai ciri kemelayuan, kini Melayu itu dianggap malas kerana ada sebabnya. Sebabnya itu dikaitkan pada baka, budaya, malahan juga bahasa Melayu itu sendiri. Sekiranya pandangan prejudis yang tidak berasas ini dahulunya dilontarkan oleh golongan penjajah, kini kita dapati ramai di kalangan inteligentsia masyarakat Melayu yang bersetuju dan mengiyakan ciri-ciri yang kononnya telah sebatu dalam diri orang Melayu. Kita dapat lihat kecenderungan ini dalam perbualan seharian, baik di dalam kelompok akademik mahupun masyarakat umum.

Ada satu lagi ciri neo-orientalisme yang sangat ketara, iaitu kecenderungan membangkitkan isu-isu yang tidak relevan pada masyarakat Melayu. Contohnya ialah obsesi terhadap mempersoalkan ‘apa itu Melayu’ dan mencari-cari identiti atau unsur ‘kemelayuan yang sejati/asli’. Kecenderungan ini mula berkembang di akademia dan dicanangkan oleh pengkagum kesarjanaan Orientalis sehingga ada di kalangan masyarakat yang mula merasakan seolah-olah benar jatidiri orang Melayu itu sangat bermasalah.

Sekiranya pengkaji dari Barat ingin tahu ‘apa’ dan ‘siapa’ itu ‘Melayu’, ini mungkin dapat kita fahami. Tetapi, sekiranya pengkaji Melayu sendiri mengangkat wacana sebegini sebagai pendekatan ‘baru’ dan ‘canggih’ terhadap kajian masyarakat Melayu, jelaslah ia memaparkan gejala ‘minda tertawan’. Buku *Contesting Malayness* merupakan contoh terbaik kecenderungan neo-orientalisme ini.

Satu lagi ciri neo-orientalisme, terutama di kalangan masyarakat Melayu sendiri, ialah sifat kagum terhadap apa jua teori dan wacana yang terbit dari Barat. Makanya, kita gemar mengagung-agungkan atau mengangkat pengkaji-pengkaji Barat tetapi jarang mengikhtiraf pengkaji dari kalangan kita sendiri. Seolah-olah pengkaji Melayu yang mengkaji masyarakatnya sendiri tidak dapat bersifat ‘objektif’ berbanding dengan pengkaji dari Barat.

Harus kita nyatakan di sini bahawa kritik terhadap wacana Orientalisme tidak bermakna kita anti-Barat. Inilah yang sering disalahertikan oleh segelintir masyarakat. Ada pendekatan-pendekatan sains sosial yang muncul di Barat dan dapat kita terapkan di dalam kajian terhadap masyarakat Melayu. Yang ingin ditekankan ialah sikap kritis dan perlunya mengungkapkan masalah dari dalam (*endogenous*) tanpa ketergantungan pada perspektif asing.

Apa yang ingin dijelaskan di sini juga ialah kita harus senantiasa memupuk sifat kritis terhadap setiap lontaran idea yang kononnya ingin membahaskan masalah masyarakat Melayu. Dalam hal ini, terlalu banyak masalah yang belum dapat diselesaikan. Tumpuan harus diberikan dalam membangkitkan isu-isu yang relevan dan nyata, bukan sesuatu yang dibuat-buat. Lebih buruk lagi, sekiranya isu yang menjadi obsesi hanya segelintir di kalangan

masyarakat diangkat menjadi masalah utama masyarakat Melayu secara umum. Contohnya, isu jatidiri Melayu. Memang benar ada sebilangan individu yang keliru akan jatidiri mereka. Tetapi, masalah individu sebegini tidak harus diangkat menjadi masalah umum – seolah-olah masyarakat Melayu sedang menghadapi krisis jatidiri yang maha dahsyat. Isu sebenar yang dihadapi golongan individu sebegini ialah masalah keterasingan (*alienation*) dari kebudayaan dan masyarakat sendiri. Makanya, yang harus dikaji ialah gejala keterasingan, bukannya isu jatidiri.

Inilah contoh tradisi keilmuan dan corak pandang yang cuba dipupuk di JPMNUS. Saya bangga JPMNUS masih mengajar mahasiswanya membangkitkan isu-isu penting dalam masyarakat Melayu dan cara merungkai dan mencari jalan penyelesaiannya. Inilah yang menjadikan JPMNUS terus relevan bagi kita semua. Kerelevanannya terletak pada keprihatinannya terhadap isu-isu penting dalam masyarakat Melayu di sekeliling kita, seperti yang diperkatakan oleh En. Idris Rashid dalam tulisannya, *Di Mana Krisis Pengajian Melayu?* (BH, 13 Okt.). Masih banyak yang perlu dikaji di sekeliling kita. Tidak perlulah kita terbawa-bawa sehingga ghairah pula ingin mengkaji perkampungan Melayu di Afrika Selatan ataupun Sri Lanka. Tiada ‘lombong emas’ (BH, 15 Okt.) yang perlu digali. Yang ada hanya masalah yang perlu dileraikan bersama mengikut konteks di mana kita berada dan cabaran semasa.

Penulis ialah penuntut p^ossiswazah di Jabatan Pengajian Melayu NUS.